

BH

AHAD.
10.07.2016

@bh.com.my kembara

Feri Pulau Pinang
dekat di hati
pelancong

→ Perkhidmatan
lebih satu abad jadi
ikon Pulau Mutiara

Ms.2/3



kembara

jelajah | 3

Jumlah feri Pulau Pinang

- 1894: sebuah bot bermotor berfungsi seperti feri lama dan uzur
- 1943: sebuah feri besar diberi nama Bagan mula beroperasi
- 1941 hingga 1945: Perkhidmatan feri lumpuh kerana Perang Dunia Kedua.

- 1959: Lima feri baharu mengantikan feri lama dan uzur
- 1965: Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) membeli satu feri bersaiz besar
- 1971: Dua lagi feri dibeli
- 1981: Tiga lagi feri dibeli oleh SPPP



Jadual pelayaran

Terminal Feri Sultan Abdul Halim (Butterworth)

- Pelepasan feri pertama: 5.20 pagi
- Pelepasan feri terakhir: 12.40 pagi

Terminal Feri Raja Tun Uda (Pulau Pinang)

- Pelepasan feri pertama: 5.40 pagi
- Pelepasan feri terakhir: 1 pagi



Deretan kendaraan memenuhi dek bawah feri Pulau Pinang beri pilihan kepada pengunjung menikmati pemandangan dari tingkap kereta.

Lebih satu abad berbakti

Perkhidmatan feri Pulau Pinang bermula lebih satu abad lalu iaitu pada tahun 1894 seorang pengusaha persendirian bernama Quah Beng Kee mengendalikan bot bermotor

mengangut penumpang. Feri menggunakan kuasa wap hanya mengangut penumpang dan barang yang terhad.

Perkhidmatan feri yang dapat mengangut

kenderaan bermula tahun 1924. Ketika itu, hanya terdapat satu feri berkuala wap bernama Seberang dibina oleh Lembaga Pelabuhan Singapura beroperasi untuk

membawa penumpang pejalanan kaki dan kereta.

Sejak perkhidmatan feri diperkenalkan, sambutan daripada penduduk sekitar Pulau Pinang dan Butterworth semakin

ramai. Justeru, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang (LPPP) terpaksa membuka jalan dan penambahan lagi dua feri yang lebih besar dinamakan Tanjung dan Kulim.



Anjung tinjau feri yang berada di dek atas jadi tumpuan orang ramai.



Jambatan Pulau Pinang beri lebih pilihan kepada pengguna.

Info

3.2km

Jarak Selat Utara antara George Town dan Butterworth

7 buah

Jumlah feri yang masih berkhidmat

20 minit

Anggaran tempoh perjalanan

RM7.70

Tambang sehala (sekali bayar) untuk kendaraan dari Terminal Feri Sultan Abdul Halim (Butterworth) ke Terminal Feri Raja Tun Uda (Pulau Pinang)

- Pada tahun 1986, kerajaan memperkenalkan perkhidmatan Feri Malaysia.
- Nama rasmi kapal yang didaftarkan di Pelabuhan Klang, Selangor ialah *Cruise Muhibbah*.
- Feri Malaysia itu berasal dari Helsinki, Finland dan mengambil masa sebulan pelayaran untuk tiba di Pelabuhan Kuantan, Pahang.
- Feri Malaysia setinggi tujuh tingkat memulakan perkhid-

matan pada 18 November 1986 dari Kuantan ke Kuching dan meneruskan perjalanan ke Kota Kinabalu

- Tempoh perjalanan adalah dua hari
- Feri Malaysia boleh membawa maksimum 650 penumpang dan 240 kereta
- Perkhidmatan Feri Malaysia ditamatkan pada tahun 1989 kerana kos pengurusannya yang tinggi.

Lamunan feri Pulau Mutiara

→ Jambatan Pulau Pinang jadi saingan

Oleh Zubir Mohd Yunus
zubir_yunus@bh.com.my

Pengembalaan ke Pulau Pinang seperti kurang lengkap kalau tidak merasai pengalaman menaiki feri yang sudah menjadi ikon kepada Pulau Mutiara.

Walaupun sudah ada dua jambatan yang menghubungkan tanah besar dengan pulau, tetapi kewujudan feri ini seolah-olah masih diperlukan, apakah lagi ia menjadi antara tarikan pelancong ke negeri ini.

Matah tidak keterlaluan, feri Pulau Pinang adalah satu-satunya feri dua tingkat yang wujud di Malaysia.

Bagi pengunjung tempatan dari luar Pulau Pinang, menaiki feri seolah-olah memberi pengalaman menarik kerana ia tidak akan ditemui di mana-mana di negara ini. Itulah keistimewaannya feri Pulau Pinang.

Feri Pulau Pinang adalah antara tiga ikon yang menjadi identiti negeri ini dalam kalinkan pengunjung selain bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) dan Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan Prai dengan Gelugor di pulau,

sebelum kemunculan Jambatan Sultan Abdul Halim Shah.

Perjalanan yang mengasyikkan

Penulis sendiri teruja apabila berada dalam feri Pulau Pinang. Apabila feri mula bergerak perlahan-lahan meninggalkan dermaga Terminal Feri Sultan Abdul Halim di Butterworth terasa satu pengalaman menyeronokkan.

Semakin bergerak ke tengah Selat Utara, penulis menikmati pemandangan negeri ini dari laut. Deretan kapal berlabuh, kontena di Pelabuhan Butterworth, manakala di pulau pula terselar pemandangan bangunan pencakar langit dan antara yang paling menonjol adalah Bukit Bendera, yang juga tarikan pelancongan di negeri ini.

Hampir 20 minit penulis mengelamun dari atas feri, hampir khayal kerana ditutup bayu laut. Dek bawah menempatkan kenderaan, manakala bahagian atas pula untuk penumpang dan kenderaan.

Ketika asyik memerhatikan Jambatan Pulau Pinang, berselisih pula dengan

feri dari George Town menuju ke Butterworth.

Khazanah yang patut dihargai

Feri semakin menghampiri Terminal Feri Raja Tun Uda di George Town, lalu penulis bergerak masuk ke dalam trak pikap Ford Ranger XLT serba baharu yang menjadi teman untuk pengembalaan dan percutian ke Pulau Pinang.

Walaupun sekejap, tetapi bagi penulis, ia sudah cukup memberikan pengalaman mengasyikkan. Penulis yakin ramai lagi pengunjung dan pengembala bersa puas menikmati pesona bandar George Town dari anjung tinjau feri.

Kunjungan penulis ke Pulau Pinang disertai kordinator perjalanan, Hikers Climber Adventure Team.

Kali terakhir penulis menaiki feri Pulau Pinang kira-kira empat dekad lalu. Justeru, perkhidmatan feri Pulau Pinang masih relevan dan kita perlu menghargai khazanah dan warisan negara ini. Penulis yakin, populariti feri Pulau Pinang mampu berdiri sebaris dengan kehebatan perkhidmatan tube di kota London itu!

Pemandangan KOMTAR dapat dilihat dengan jelas apabila bersantai di anjung tinjau feri atau dari kenderaan masing-masing.

